




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA KEJADIAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD) DI MALAYSIA


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan mengenai situasi terkini penyakit tangan, kaki dan mulut atau “*Hand, Foot And Mouth Disease*” (HFMD) di Malaysia.

Bagi tahun 2022, sehingga 18 Jun 2022, hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 24/2022, sejumlah 106,477 kes telah dilaporkan, iaitu peningkatan sebanyak 39 kali ganda berbanding jumlah kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2021 (semasa pandemik COVID-19) iaitu 2,710 kes. Jika dibandingkan dengan 31,500 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2019 (sebelum pandemik COVID-19), ia menunjukkan **peningkatan sebanyak 3.4 kali ganda**. Manakala kes dilaporkan di seluruh negara bagi ME 24/2022 (12 hingga 18 Jun 2022) adalah 10,556; menurun sebanyak 19.3% berbanding ME 23/2022 (5 hingga 11 Jun 2022) iaitu 13,077 kes. Tren kes mingguan HFMD menunjukkan penurunan sejak ME22/2022 selepas bilangan kes mencapai kemuncak tertinggi pada ME21/2022 (**Rajah 1**).



Rajah 1: Tren kes HFMD mengikut ME bagi tahun 2019, 2021 dan 2022 (sehingga ME 24/2022)

Negeri Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 29,880 kes (28.1%). Ia diikuti oleh WP Kuala Lumpur & Putrajaya 11,687 kes (11.0%), Perak 10,938 kes (10.3%), Johor 7,052 kes (6.6%) dan Kelantan 6,532 kes (6.1%) (**Rajah 2**).



Rajah 2: Kumulatif kes HFMD tahun 2022 mengikut negeri sehingga ME 24/2022 (18 Jun 2022)

Kanak-kanak merupakan golongan yang paling banyak mengalami HFMD; iaitu 95,175 (89%) adalah kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah, diikuti kumpulan umur 7 hingga 12 tahun seramai 9,183 kes (9%).

Berdasarkan surveilan jenis virus (*enterovirus*) penyebab HFMD di Malaysia, tiga (3) virus utama yang menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti pada tahun 2022, adalah Enterovirus 71 (EV71), Coxsackie A6 (CA6) dan Coxsackie A16 (CA16). Dua (2) kes HFMD yang disahkan dijangkiti EV71 masih di bawah pemantauan rapi di Wad Rawatan Rapi (ICU) kerana mengalami komplikasi radang otak (*encephalitis*).

Sehingga kini, sebanyak 2,012 wabak dilaporkan di Malaysia di mana **tiga (3) negeri mencatatkan kejadian wabak tertinggi** iaitu WPKL & Putrajaya 650 wabak (32.3%), diikuti Sarawak 312 wabak (15.5%) dan Selangor 252 wabak (12.5%). Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan pra-sekolah iaitu 1,131 wabak (56%) diikuti oleh

rumah persendirian 794 wabak (40%) dan pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 57 wabak (3%). Wabak didefinisikan sebagai kejadian kes HFMD dengan jumlah kes dua (2) atau lebih dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD.

KKM akan terus menjalankan langkah pencegahan dan kawalan bagi mengekang penularan jangkitan HFMD. Bagi tahun 2022, sehingga 11 Jun 2022, tindakan kawalan dan langkah pencegahan bagi penyakit HFMD yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Ringkasan Aktiviti Kawalan dan Pencegahan HFMD

Bil.	Aktiviti	Bilangan
1	Bilangan premis diperiksa	59,366
2	Bilangan premis ditunjukajar dan dipantau pelaksanaan disinfeksi	33,395
3	Penutupan premis (secara sukarela)	350
4	Penutupan premis (di bawah peruntukan Akta 342)	1,127
5	Pembukaan premis	1,095
6	Pendidikan kesihatan	213,878
7	<i>Townhall Meeting</i>	320
8	Lawatan ke <i>Indoor Playground</i>	443

Bilangan kes HFMD tidak akan berjaya diturunkan tanpa penglibatan semua pihak terutama ibu bapa, pengusaha dan pengasuh di taska,

tadika, dan tabika serta guru di pra-sekolah dan sekolah. Justeru, semua pihak diseru untuk terus bersama-sama mengamalkan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan diri dan ahli keluarga daripada dijangkiti HFMD:

- i. Ibu bapa atau penjaga dengan anak yang mempunyai tanda-tanda jangkitan HFMD dinasihatkan agar tidak membawa anak ke tempat-tempat awam / sekolah / taska / tadika / pusat asuhan kerana boleh merebakkan jangkitan kepada kanak-kanak lain;
- ii. Ibu bapa, pengusaha, pengasuh, dan guru dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan budaya mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas ke tandas, selepas menukar lampin, dan selepas menyentuh / merawat lepuh;
- iii. Pengasuh dan guru hendaklah melakukan **saringan di pintu masuk** premis bagi memastikan kanak-kanak tiada tanda-tanda jangkitan HFMD. Kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah bagi mengelakkan jangkitan kepada kawan-kawannya;
- iv. Ibu bapa, pengusaha, pengasuh, dan guru perlu memastikan premis termasuk permukaan yang kerap disentuh dan lantai rumah termasuk tandas serta peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak dibersihkan dan dibasmikuman setiap hari dengan menggunakan larutan campuran klorin;
- v. Memastikan lampin pakai-buang dibuang dalam tong sampah bertutup; dan

- vi. Melaporkan kes dan kluster HFMD yang berlaku di taska, tadika, tabika dan pra-sekolah kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

21 Jun 2022 @ 10:30 pagi

Lampiran 1

Jadual 2: Aktiviti Kawalan dan Pencegahan bagi HFMD yang dijalankan oleh Negeri sehingga ME24/2022

AKTIVITI	Bilangan Taska/ Tadika/ Tabika/ Pra- sekolah	Bil. Premis Diperiksa		Bil. Premis Disinfeksi	Penutupan premis (Secara Sukarela)	Penutupan premis (Akta 342)	Pembukaan premis	Pendidikan Kesihatan	Townhall Meeting	Lawatan ke Indoor Playground
		Taska/ tadika/ Tabika/ Pra- sekolah	Lain- lain							
JOHOR	3,301	1,670	9,485	5458	26	120	112	12,081	34	110
KEDAH	2,068	432	1,257	453	35	36	32	13,678	7	2
KELANTAN	1,803	401	5,237	1996	11	11	21	16,804	18	0
MELAKA	687	308	308	203	18	46	43	6,057	20	168
NEGERI SEMBILAN	761	363	4,644	2028	33	29	25	10,794	10	4
PAHANG	1,080	1,367	9,574	6105	4	38	35	54,400	45	18
PERAK	1,967	1,009	6,397	5201	74	134	133	28,688	101	40
PERLIS	327	33	57	90	11	40	41	2,437	2	0
PULAU PINANG	850	537	832	697	8	60	81	9,788	11	34
SABAH	2,823	216	7,638	7012	2	46	37	18,874	22	4
SARAWAK	3,033	328	1,745	952	3	32	35	14,746	6	4
SELANGOR	2,143	323	837	295	36	184	177	2,838	10	27
TERENGGANU	1,736	466	2,879	1418	13	24	23	5,665	22	5
WP.LABUAN	90	7	74	48	0	2	4	2,831	3	5
WPKL & PUTRAJAYA	998	354	588	1439	76	325	296	14,197	9	22
KUMULATIF	23,667	7,814	51,552	33,395	350	1,127	1,095	213,878	320	443

